

Faktor Tidak Memeluk Agama Islam dalam Kalangan Cina Peranakan di Kelantan

Factors of Not Converting to Islam Among Peranakan Chinese in Kelantan

MUHAMAD FAISAL ASHAARI*, ANUAR PUTEH & MUHAMMAD FARIS ABDUL FATAH

ABSTRAK

Masyarakat Cina Peranakan telah datang ke Kelantan sejak tiga abad yang lalu. Mereka boleh bergaul rapat dengan masyarakat Melayu Islam di negeri ini sehingga boleh mengadaptasikan sebahagian budaya dan gaya hidup Orang Melayu serta boleh bertutur dalam dialek Melayu Kelantan dengan fasih. Walau bagaimanapun, hubungan ini hanya setakat dapat mempengaruhi gaya hidup dan dialek bahasa sahaja, tidak sampai ke tahap mengubah kepercayaan dan agama. Objektif artikel ini ialah untuk mengkaji faktor yang boleh menyebabkan Cina Peranakan di Kelantan tidak menerima Islam sebagai agama dan selesa dengan agama nenek moyang mereka. Beberapa kajian lalu mendapati enam faktor yang menjadi halangan kepada orang Cina secara umumnya dari memeluk Islam iaitu; a) sikap komunal dan etnosentrik Melayu Kelantan. b) Sikap etnosentrik dan komunal orang Cina. c) perbezaan kepercayaan. d) jati diri Cina peranakan. e) diskriminasi ekonomi. f) pelaksanaan politik Islam. Kajian ini mengkaji sejauh manakah enam faktor ini benar-benar menjadi halangan kepada Cina Peranakan di Kelantan memeluk Islam. Seramai 12 orang informan Cina Peranakan di Kelantan telah ditemubual secara separa berstruktur dan mereka terdiri dari wakil kaum yang dipilih dari setiap jajahan di Kelantan. Kajian mendapati bahawa majoriti responden boleh menerima baik masyarakat Melayu dan mengamalkan gaya hidup mereka. Namun, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka tidak menerima Islam sebagai agama iaitu sikap komunal orang Cina yang lebih mementingkan ikatan kekeluargaan, lebih selesa berpegang kepada agama yang sedia ada berbanding agama yang baharu.

Kata Kunci: Cina Peranakan; Kelantan; non-Muslim; tukar agama; akulturası

ABSTRACT

Peranakan Chinese community have arrived in Kelantan for the last three centuries. They can acculturate themselves into the Malay Muslim community in this state to the extent that they can adopt the lifestyle of Malay and speak Kelantan slang Malay fluently. However, this acculturation can only change the lifestyle and slang language, not the beliefs and religion. The objective of this article is to examine the factors that can cause Peranakan Chinese in Kelantan not to embrace Islam and to be comfortable with the religion of their ancestors. Previous studies have found six hindrance factors for Chinese to embrace Islam, namely; a) communal and ethnocentric attitudes of Kelantan Malays. b) ethnocentric and communal attitudes of the Chinese. c) differences of beliefs. d) maintaining peranakan Chinese identity. e) economic discrimination. f) implementation of Islamic politics. This study examines the extent to which these six factors hinder Peranakan Chinese from embracing Islam. A total of 12 Peranakan Chinese informants in Kelantan were interviewed in a semi-structured method and they consisted of elected representatives from each district in Kelantan. The study found that the majority of respondents can receive Malay and adopt Malay lifestyles. However, there are several factors that cause them to not embrace Islam, namely the Chinese communal attitude that prioritises family ties and is more comfortable sticking to the existing religion than a new religion.

Keywords: Chinese Peranakan; Kelantan; non-Muslim; religious conversion; acculturation

PENGENALAN

Kewujudan Orang Cina di Kelantan bukanlah baharu kerana mereka telah datang ke negeri ini dari Tanah Besar China sejak awal abad ke 15 iaitu sejak 300 tahun yang lalu. Seawal kedatangan ke negeri ini, mereka menetap di sepanjang tebing Sungai

Kelantan dari Kampung Joh di Machang hingga Kampung Cina di Kota Bharu (Teo, 2003; Teo, 2008). Di kawasan ini, mereka menjalani kehidupan sebagai petani dan menjadikan sungai sebagai laluan perhubungan dengan kawasan lain. Keberadaan di kawasan luar bandar memaksa mereka bergaul rapat dengan orang Melayu tempatan atas faktor sosial dan

ekonomi. Hubungan yang rapat dalam tempoh yang lama ini telah banyak mempengaruhi gaya hidup, pemakaian dan bahasa pertuturan mereka (Hanisa et al. 2021; Pue, Ong & Loo 2019; Yao et al. 2018; Mohamad Nazri et al. 2011) sehingga membentuk identiti yang tersendiri. Mereka tidak lagi dikenali sebagai orang Cina biasa tetapi orang Cina Peranakan atau Cina Kampung kerana mempunyai perbezaan identiti yang tersendiri dari sudut bahasa dan budaya. Identiti ini membezakan mereka dengan keturunan Cina yang lain terutamanya Cina Bandar. Komuniti ini turut wujud di beberapa negeri Malaysia seperti di Pulau Pinang (Beng 2009), Melaka (Sa'adiah & Rahilah 2018) dan Terengganu (Chuang et al. 2021). Sungguhpun kehidupan yang harmonis ini berjaya mempengaruhi adat dan budaya Cina Peranakan termasuklah dari sudut bahasa, ia tidak dapat mengubah agama dan kepercayaan agama nenek moyang mereka (Mohd Shahrul 2013; Nik Zawawi 2016). Mungkin ada sesuatu sikap dan pendekatan yang perlu diperbaiki oleh orang Melayu dalam hal ini untuk membolehkan akulterasi ini akan lebih baik dan harmonis. Ini termasuklah dasar kerajaan Negeri Kelantan, tumpuan agensi yang berkaitan dan usaha organisasi bukan kerajaan yang perlu diperkuuhkan dari masa ke semasa.

Menurut rekod Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) (2010-2018), seramai 245 orang cina yang telah memeluk Islam dalam tempoh ini tetapi data ini hanya menyebut dari etnik Cina secara umum tanpa membezakan antara Cina Peranakan dan Cina Tulen. Walau bagaimanapun, Data ini tidak memperincikan sama ada Cina itu dari Kelantan atau dari luar Kelantan yang datang ke Kelantan untuk memeluk Islam. Data ini juga selari dengan data dari Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), orang Cina yang beragama Islam di Kelantan seramai 1525 dari keseluruhan masyarakat Cina di Kelantan yang berjumlah 51,641. Kedudukan Kelantan sebagai negeri yang mempunyai banyak institusi pengajian Islam tradisional dan majoriti penduduknya terdiri dari orang Melayu, sepatutnya boleh mempengaruhi orang bukan Islam untuk menerima Islam khususnya Cina peranakan yang telah lama bergaul dengan orang Melayu. Namun keadaan ini tidak berlaku yang mungkin berpunca dari kuat pegangan kepercayaan dan sudah selesa dengan kehidupan yang sedia ada serta halangan dari orang Melayu. Artikel ini membincangkan dapatan temubual dengan 12 orang informan dari kalangan Cina Peranakan di Kelantan berhubung faktor mereka tidak menerima Islam sebagai agama

sedangkan mereka sudah bergaul rapat dengan orang Melayu di Kelantan sejak tiga abad yang lalu.

FAKTOR ORANG CINA TIDAK MEMELUK AGAMA ISLAM

Hubungan Cina Peranakan dengan orang Melayu di Kelantan telah terbina sejak lebih dari tiga abad yang lalu. Menurut Teo (2008), mereka dilihat telah mengalami perubahan dari sudut penggunaan bahasa, pemakaian, pemilihan makanan dan minuman serta adat resam yang mengikut budaya masyarakat Melayu. Mereka menggunakan waktu seperti waktu Maghrib sebagai batasan untuk membenarkan anak-anak bermain dan keluar rumah. Selain itu, penggunaan kosa kata dalam Islam seperti taubat dan kafir juga digunakan dalam perbualan sehari-hari termasuklah ada yang memberi salam kepada orang Islam (Pue, 2018; Pue, Ong, & Loo, 2019). Ini bererti masyarakat Cina Peranakan Kelantan boleh menerima orang Melayu menerima sebaiknya. Secara tidak langsung sebahagian dapatan kajian tentang persepsi orang cina tentang Islam dan Melayu secara umumnya itu tidak terpakai untuk Cina Peranakan Kelantan. Secara umumnya, mereka boleh menerima orang Melayu dan Islam tetapi tidak sampai tahap memeluk agama Islam dengan kata lain menerima Islam sebagai cara hidup dan kepercayaan. Para pengkaji telah membincangkan beberapa halangan yang boleh menyebabkan orang Cina secara umumnya dan Cina Peranakan khususnya sukar menerima Islam sebagai agama dan kepercayaan. Pandangan mereka boleh disimpulkan kepada enam faktor seperti berikut:

SIKAP KOMUNAL DAN ETNOSENTRIK MELAYU KELANTAN

Komunal ialah suatu sikap dalam sesebuah bangsa yang mengutamakan bangsanya berbanding bangsa lain disebabkan oleh faktor agama dan sosial. Menurut Khairuddin et al. (2020) struktur sosial masyarakat Melayu bersendikan kekeluargaan, kekuasaan berdasarkan kepada umur, corak ekonomi dan kepercayaan. Keadaan ini telah mencorak mereka mempunyai sikap lebih cenderung kepada berpuak-puak dan kurang terbuka dengan orang luar walaupun sesama bangsa Melayu (Abdul Aziz 1998). Pue (2012) mendapati bahawa orang Melayu Kelantan lebih terbuka dengan orang sekampung dan lebih dingin serta curiga dengan orang luar malahan dengan etnik Melayu sendiri. Sikap ini

dapat jelas dilihat menerusi penggunaan dialek bahasa Melayu yang tersendiri dalam kalangan mereka dan kecenderungan untuk menggunakan bahasa ini apabila bertemu dengan rakan sengeri. Malahan, mereka menyebut penggunaan bahasa Melayu rasmi sebagai “kecek luar” iaitu bahasa yang tidak digunakan di Kelantan. Nur Azuki & Khuzaiton (2018) menjelaskan bahawa dialek yang digunakan oleh orang Kelantan menggambarkan identiti dan jati diri mereka malahan dialek ini diutamakan apabila bercakap sesama mereka ketika berada di luar Kelantan.

Menurut (Pue 2012), orang Cina yang menganggap masyarakat Melayu Kelantan bersifat komunal khususnya di peringkat kampung dan negeri. Orang Melayu dilihat lebih mengutamakan kelompok mereka berbanding dengan bangsa lain disebabkan mereka merupakan bangsa yang dominan di negeri ini. Mereka juga mempunyai sentimen mengutamakan orang yang seagama dengan mereka sebagai orang yang kuat berpegang dengan agama. Atas sebab mematuhi hukum agama, orang Melayu tidak datang ke kedai makan cina kerana meragui status halal pada makanan dan tidak mengahwini orang bukan Islam kerana tidak dibenarkan oleh agama. Atas sebab mematuhi aturan budaya Melayu, agak janggal bagi orang Melayu makan menggunakan penyepit dan mengamalkan budaya Cina yang lain. Faktor agama dan budaya ini sedikit sebanyak menyumbang dominasi Melayu di Kelantan yang melahirkan satu pandangan stereotaip yang negatif dan bersifat cauvinis terhadap Melayu dan Islam itu sendiri (Syarul Azman et al. 2018). Oleh yang demikian, sikap komunal dan etnosentrik ini mempengaruhi tindakan mereka terhadap orang Cina yang secara tidak langsung menjadi faktor penghalang kepada menerima Islam.

SIKAP KOMMUNAL DAN ETNOSENTRIK ORANG CINA

Orang Cina juga mempunyai sikap etnosentrik dan komunal untuk mempertahankan nilai kebudayaan bangsa mereka yang dianggap sebagai satu perjuangan oleh sesuatu bangsa. Sikap ini sinonim dengan semangat untuk mempertahankan nilai dan survival sebagai kumpulan minoriti di Kelantan. Perasaan ini biasa berlaku dalam komposisi masyarakat yang mempunyai kumpulan majoriti dan minoriti. Reaksi itu juga disebabkan gabungan perasaan takut, kejahilan dan prejudis mereka berinteraksi satu sama yang lain (Lee 2004). Sikap

yang ditonjolkan ini jelas mempamerkan prejudis sosial terhadap orang lain dan juga kebanggaan orang Cina tentang keturunannya sehingga menidakkannya bangsa lain. Setelah lama berada di Tanah Melayu, orang Cina telah membina kesedaran identiti komunal yang kuat untuk menuntut hak komuniti mereka dalam pembahagian kuasa di Malaysia. Pemimpin komuniti yang masih mengekalkan sedikit sebanyak rasa tentang identiti kebudayaan yang lama itu telah juga memperjuangkan agar ciri-cirinya dapat diperakui secara rasmi sebagai sebahagian daripada komposit identiti nasionalisme Malaysia (Wang 1991).

PERBEZAAN KEPERCAYAAN

Prejudis terhadap sesuatu bangsa mudah berlaku dalam masyarakat berbilang agama dan kaum kerana salah faham dan kekurangan maklumat tentang agama dan kaum yang lain. Atas sebab ini, jurang dan prasangka masih berlaku di negara ini antara orang Islam dan orang bukan Islam. Menurut Khoo Kay Kim (2010), ajaran agama Islam yang mendalam tidak banyak disampaikan kepada orang bukan Islam. Mereka hanya mengetahui secara umum sahaja dan dalam aspek tertentu sahaja seperti tidak boleh minum arak dan tidak boleh makan babi. Pengetahuan yang cetek tentang Islam menyebabkan mereka tidak memahami dengan jelas kenapa dan mengapa suatu perkara itu dituntut dan dilarang dalam Islam. Ini termasuklah ada pihak yang cuba mengapikan permusuhan yang menyebabkan perbezaan kepercayaan dan kelainan budaya berubah kepada prasangka dan perasaan tidak puas hati. Razaleigh (2009) menjelaskan pengharaman khinzir dalam Islam kepada orang Islam tetapi ia merupakan binatang yang dibenarkan dalam kalangan orang Cina. Disebabkan perbezaan ini, orang Islam tidak makan di restoran Orang Cina kerana meragui status halal makanan yang disediakan di situ. Perbezaan dalam kehidupan memang tidak dapat dielakkan tetapi perbezaan yang timbul dari prasangka dan perasaan tidak puas hati akan membawa masalah. Menurut Ahmad (2006) individu yang mempunyai tanggapan negatif terhadap sesuatu kaum itu tidak akan dapat bertindak secara objektif dalam hubungannya dengan kaum tersebut serta tindakan seseorang individu atau sesuatu kaum yang terbina hasil daripada stereotaip ini biasanya bersifat berat sebelah atau bias, dan selalunya tidak objektif. Perbezaan kepercayaan ini menyebabkan ada andaian bahawa ini salah satu sebab Cina Peranakan tidak mahu memeluk Islam.

Selain itu, imej bangsa Melayu di mata masyarakat Cina banyak dikaitkan dengan sifat-sifat negatif seperti pemalas, perasuah, gila kuasa dan tidak pandai berdikari sering dikaitkan dengan orang Melayu itu sendiri (Khairul Azhar et al. 2013). Begitu juga, terdapat juga orang Cina yang mempunyai anggapan negatif lain terhadap agama Islam antaranya seperti Islam agama yang mengongkong, terlalu banyak peraturan (Faridah 2003), menindas wanita, cerewet terhadap makanan, bersifat memaksa, mundur dan kolot (Osman Chuah 2009), serta hanya sesuai bagi bangsa Arab dan Melayu sahaja (Fatimah Sham 2000). Menurut Khairul Azhar et al. (2013), mereka juga menilai perlakuan serta layanan buruk yang diberikan oleh sebahagian umat Islam terhadap mereka sehingga mereka menganggap Islam sebagai agama yang menindas dan meremehkan kedudukan bukan Muslim. Maka segala kekurangan dan kelemahan yang ditonjolkan oleh bangsa Melayu akan dikaitkan dengan Islam yang telah sinonim sebagai agama bagi orang Melayu.

JATI DIRI CINA

Jati diri Cina selalu dikaitkan dengan nilai ketulenan bagi seseorang individu berbangsa Cina. Masyarakat Cina di Kelantan dikategorikan kepada dua iaitu Cina Kampung dan Cina Bandar. Cina kampung inilah yang dikenali sebagai dikenali sebagai Cina Peranakan Kelantan yang lebih dipengaruhi dengan budaya Melayu dan Thai dalam kehidupan sosiobudaya mereka. Cina kampung lebih rapat dengan masyarakat Melayu berbanding dengan orang Cina bandar baik di Kelantan maupun negeri-negeri lain di Malaysia. Manakala Cina bandar merasa diri mereka lebih tulen dan memiliki “*a pure model*” berbanding Cina Kampung (Pue 2017; Winzeler 1990). Aspek ini menimbulkan keraguan terhadap masyarakat Cina kerana ianya melibatkan faktor jati diri dan ketulenan serta berkait rapat dengan nilai sesebuah masyarakat. Teo (2008) menyatakan bahawa dikotomi Cina Kampung dan Cina bandar ini juga merupakan pembahagian intra etnik yang paling popular dalam masyarakat etnik Cina di Kelantan. Namun terdapat juga pengkaji yang tidak bersetuju dengan pembahagian ini seperti Pue (2012) dan Tan (1982) yang berpendapat bahawa penggunaan label Cina Kampung dan Cina Bandar ini adalah tidak sesuai digunakan dalam membezakan subkumpulan etnik Cina di Kelantan.

Perkara ini disebabkan gelaran “kampung” yang lebih sinonim dengan masyarakat Melayu (Pue 2012). Gelaran tersebut dilihat membawa konotasi negatif yang menggambarkan sifat kekampungan atau keadaan hidup yang terkebelakang berbanding gelaran bandar yang mengandungi unsur yang lebih kemodenan dan lebih sivik serta membangun (Bunnell 2002). Secara tidak langsung juga, konotasi ini mendatangkan tempias kepada masyarakat Cina Kampung yang dianggap mempunyai budaya “kemelayuan” dan kurang kecinaan. Ini bertentangan dengan Cina Bandar yang dianggap mempunyai jati diri Cina yang tulen. Dalam konteks ini, kecinaan adalah konsep yang lebih merujuk kepada bagaimana orang Cina memandang diri mereka dan kesemua itu berkait rapat dengan pengetahuan mereka tentang budaya, geopolitik dan sejarah (Tu 1994). Sekiranya mereka memeluk Islam, ia akan mengesahkan bahawa jati diri mereka sudah larut dalam budaya Melayu. Menurut Pue (2012), pembahagian gelaran Cina Kampung dan Cina Bandar boleh menyebabkan berlakunya jurang antara orang Cina dan ia mampu mendorong mereka tidak menerima Islam. Secara tidak langsung ia boleh menjadi halangan kepada mereka untuk memeluk Islam.

DISKRIMINASI EKONOMI

Orang Cina sangat mementingkan kestabilan ekonomi dan menjaga kepentingan perniagaan kerana kedudukan mereka sebagai imigran menjadikan ekonomi sebagai keutamaan dalam kehidupan. Penguasaan mereka dalam bidang ini dapat dilihat dengan jelas menerusi carta sepuluh orang terkaya di Malaysia yang kebanyakannya terdiri dari mereka. Kerajaan telah cuba mengatasi keadaan ini dengan pelbagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baharu (DEB) (1971-1990) dan membuat perancangan untuk menaikkan kedudukan orang Melayu supaya dapat menguasai perniagaan dan usahawan menerusi pelbagai agensi kerajaan (Azmi, Diana & Mohammad Tawfik 2019). Penguasaan orang Melayu dalam politik secara tidak langsung mempengaruhi sektor ekonomi manakala polisi dan undang-undang yang dibangunkan mengimbangi penguasaan orang Cina dalam ekonomi dan perniagaan.

Dari pihak rakyat khususnya orang Melayu, mereka pernah melancarkan kempen secara tidak berkala untuk mengutamakan barang keluaran orang Islam seperti kempen *Buy Muslim First* (BMF). Kempen ini boleh menimbulkan rasa kurang senang

dalam kalangan orang Cina yang majoritinya terlibat dalam sektor ekonomi dan perniagaan. Sungguhpun alasan yang diberikan ialah tidak memboikot kedai orang cina tetapi mengutamakan barangan orang Melayu memberikan suatu tanda tidak pergi ke kedai mereka. Sikap orang Cina yang dinamik (Yok 2004) dan mempunyai keteguhan dalam bidang perniagaan serta mendominasi hampir keseluruhan sektor ekonomi sama ada yang berskala besar muhupun kecil (Chin 2003; Phang 2000) boleh menjadi faktor mereka tidak menerima agama Islam yang mempunyai aturan dan tatacaranya yang tersendiri.

PELAKSANAAN POLITIK ISLAM

Islam merupakan agama yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan termasuk politik dan kenegaraan. Dengan ini, Islam bersifat mendominasi dan pengembangan iaitu berusaha untuk mengajak semua manusia memeluk agama ini. Dari sudut yang lain, penguasaan Islam dalam politik dan pengembangan Islam ke seluruh dunia dianggap sebagai ancaman kepada kuasa besar yang mungkin kehilangan pengaruh apabila umat Islam semakin kuat dan bersatu (Hafiz Zakariya 2020). Maka, politik Islam menjadi sasaran fitnah dan propaganda yang mencetuskan salah faham dan persepsi negatif seperti ekstrem, keganasan dan perpecahan. Politik Islam terus dimomokkan dengan sistem yang bersifat autokrasi, tiada kebebasan dan memaksa orang bukan Islam mengikut syariat Islam. Hal ini menakutkan orang bukan Islam khususnya orang Cina untuk mengundi parti Islam dan apakah lagi untuk menerima

Islam sebagai cara hidup. Kecenderungan ini dapat dilihat dalam PRU12 apabila pengundi Cina menarik sokongan kepada PAS apabila PAS bertegas mahu menegakkan negara Islam (Zaireeni, 2020). Ini bererti ketakutan mereka terhadap PAS berasaskan kepada persepsi bahawa parti ini ekstrem dalam memperjuangkan Islam dan ia akan memberi impak kepada kehidupan orang bukan Islam. Francis (1988 & 2000) mendapat bahawa kesedaran penduduk Cina terhadap kepentingan isu-isu sosioekonomi tempatan berkait rapat dengan proses interaksi penduduk dengan parti politik yang membangkitkan kesedaran mereka dan membentuk identiti lain seperti kesedaran kelas dan identiti etnik. Mereka khuatir kalau dasar dan polisi yang Islamik akan memberikan kesan kepada kehidupan dan perniagaan mereka.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes yang memperoleh data dari temubual mendalam dengan 12 orang informan Cina Peranakan. Pemilihan mereka berdasarkan kepada kedudukan mereka sebagai ketua masyarakat yang dipilih dua orang dari setiap Jajahan di Kelantan yang telah dijalankan antara 4 Februari 2020 sehingga 17 Februari 2020. Mereka terdiri daripada kalangan individu Cina Peranakan yang mempunyai pengaruh di negeri Kelantan seperti, AJK Persatuan Peranakan Cina Kelantan (PPCK), Penghulu Kampung, bekas Penghulu Kampung yang lahir dan tinggal di negeri Kelantan. Berikut adalah senarai informan kajian:

JADUAL 1. Senarai Informan Kajian

Kod Informan	Usia	Jawatan	Jantina	Kampung/Daerah
1#.	50 Tahun	AJK Kampung	Perempuan	Kg. Balai/ Bachok
2#.	48 Tahun	Ahli KRT	Lelaki	Kg. Kelubi/ Pasir Puteh
3#.	55 Tahun	Bekas Penghulu	Lelaki	Kg. Cina/ Machang
4#.	48 Tahun	AJK KRT	Lelaki	Kg. Chekok Tok Chuba/ Machang
5#.	61 Tahun	Bekas Penghulu	Lelaki	Kg Guchil Baru/ Kuala Krai
6#.	53 Tahun	AJK PPCK	Lelaki	Kota Bharu
7#.	67 Tahun	Tok Sami	Lelaki	Kg. Kedai Chetok/ Pasir Mas
8#.	49 Tahun	AJK KAMPUNG	Perempuan	Kg. Cherang/ Tumpat
9#.	45 Tahun	AJK PPCK	Perempuan	Kg Belimbing/ Tanah Merah
10#.	40 Tahun	AJK KRT	Perempuan	Kg. Cap Rimau/ Tanah Merah
11#.	69 Tahun	Tok Sami	Lelaki	Kg. Pasir Parit/ Pasir Mas
12#.	68 Tahun	Bekas Penghulu	Lelaki	Kg. Chabang 4/ Tumpat

Sumber : Pengkaji (2020)

Temubual dijalankan secara separa struktur dan tertumpu kepada aspek halangan dari memasuki Islam. Sebanyak enam faktor halangan yang diajukan kepada informan iaitu a) Sikap komunal dan etnosentrik Melayu Kelantan. b) Sikap etnosentrik dan komunal orang Cina. c) Perbezaan Kepercayaan. d) Jati diri Cina Peranakan. e) Diskriminasi Ekonomi. f) Pelaksanaan Politik Islam. Data kajian dianalisis secara kaedah tematik yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang menghalang Cina Peranakan memeluk Islam. Menurut Braun & Clarke (2016), analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti pola untuk mendapatkan tema melalui data yang dikumpulkan oleh pengkaji. Menerusi kaedah ini, data temubual itu telah dikategorikan mengikut enam faktor halangan yang dikenal pasti dari kajian lalu. Setelah selesai pembentukan kod dan tema, pengkaji telah menyediakan laporan serta memberikan analisis kritis terhadap dapatan kajian berdasarkan kepada kajian yang lalu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, Cina Peranakan telah berjaya menyesuaikan diri dengan orang Melayu dan hidup dengan harmoni di Kelantan. Walau bagaimanapun, mereka tidak memeluk Islam disebabkan beberapa faktor yang menjadi halangan. Berikut adalah perincian dapatan temubual dengan mereka berkaitan faktor-faktor ini:

SIKAP KOMUNAL DAN ETNOSENTRIK MELAYU KELANTAN

Sikap komunal Melayu Kelantan dilihat sebagai penghalang kepada Cina Peranakan memeluk Islam kerana sikap ini banyak membina kemesraan sesama orang Melayu Islam sahaja (Pue 2012) dan kurang bergaul dengan orang bukan Islam (Nik Zawawi 2016). Walau bagaimanapun, kajian mendapati informan tidak menganggap orang Melayu bersikap komunal malahan mereka berpandangan bahawa orang Melayu Kelantan menghargai budaya dan gaya hidup Cina Peranakan. Informan 3# dan 5# berpendapat bahawa orang Melayu Kelantan menghargai budaya dan gaya hidup Cina Peranakan dan boleh menerima mereka biarpun ada perbezaan dari sudut agama dan bangsa. Menurut Mohamad Nazri et. al (2011), Orang Melayu bukan sekadar mengambil tahu tetapi turut menyertai aktiviti kebudayaan yang mereka anjurkan seperti wayang kulit dan Mak Yong. Dengan kata lain,

mereka berada dalam kumpulan masyarakat yang mempunyai persefahaman yang baik dan kerjasama yang erat. Malahan, menurut informan 2# dan 4# orang Melayu Kelantan dan Cina Peranakan juga boleh dianggap seperti adik-beradik kerana mereka saling mengambil tahu hal ehwal kebajikan. Menurut Informan 3#:

“Kalu kito nak oyak dale kampung ni, tak dok masalah lah. memang tak ada masalah. Jadinya kalau kito ado perayae gapo gapo ko. ore mari. Ore Melayu pun mari. Betul dak. Memang ah kalo kita ado buat waye kulit setahun sekali tu. Wayang kulit setahun sekali tu. Ha banyak ore Melayu mai tengok.” (Informan 3)

Sungguhpun demikian, pengaruh itu hanya berlaku setakat budaya dan bahasa sahaja, tidak dari sudut agama dan kepercayaan. Informan 7#, 10# dan 12# menyatakan bahawa Cina Peranakan memang boleh bergaul dengan orang Melayu tetapi tidak sampai tahap mengubah kepercayaan agama mereka. Mungkin tiada keperluan yang mendesak atau yang mendorong untuk mengubah agama dan kepercayaan yang sedia ada. Informan 3# ada menyatakan bahawa sekiranya ia menjadi pilihan hati, mereka harus menerimanya. Beliau menjelaskan bahawa perubahan tersebut tidak menjadi satu masalah dalam komuniti Cina Peranakan Kelantan. Menurut Informan 10#:

“Tu kena tengoklah keadaan masing-masing lah. Ha masing-masing. Kalau saya sendiri tu saya rasa saya suka agama asal lagi. rasanya ada tahap limit lagilah.” (Informan 10)

Informan mengakui tidak terkesan dengan sentimen sikap orang Melayu Kelantan yang komunal dalam kehidupan harian tetapi mereka tidak bersedia untuk mengubah kepercayaan agama yang telah dianuti. Dalam masa yang sama, mereka juga lebih terbuka menerima sekiranya ada perubahan agama yang berlaku dalam komuniti mereka kerana mereka merasakan tidak banyak perubahan yang berlaku atas pengamalan budaya yang sama dengan orang Melayu Islam. Semua informan berpandangan tidak salah untuk mereka bergaul dan mempunyai persefahaman dari sudut budaya dengan masyarakat Melayu serta melakukan aktiviti sehari-hari bersama-sama. Walau bagaimanapun, ia hanya melibatkan aspek kebudayaan dan tidak membawa kepada perubahan agama dalam kalangan mereka.

Selain komunal, Orang Melayu Kelantan juga dianggap bersikap etnosentrik iaitu melebihkan dan mengagungkan bangsa sendiri sahaja dan merendahkan bangsa lain sehingga menyebabkan

integrasi kaum susah untuk berlaku (Lee, 2009; Shaharuddin et al. 2010). Walau bagaimanapun, kajian menemui bahawa sikap etnosentrik tidak menjadi sebab Cina Peranakan menolak agama Islam di Kelantan. Sebaliknya, Cina Peranakan tidak melihat masyarakat Melayu Kelantan bersikap etnosentrik iaitu melebihkan dan mengagungkan bangsa sendiri sahaja dan merendahkan bangsa lain. Informan 2#, 7#, 8#, 11# dan 12# bersetuju dan menyatakan bahawa Cina Peranakan tidak menyimpan perasaan tidak puas hati dengan orang Melayu yang menumpukan kepada bangsa Melayu sahaja. Informan 4# dan 5# menjelaskan bahawa etnosentrik tidak wujud kerana orang Melayu Islam memahami mereka.

“Tapi ini bagi ore luar. Kalu di Kelate, tok belaku macam tu. Betul? Di Kelate dok belaku macam tu. Maknanya, tengok kalau kito kato ore cino di sini ado buat kerja tokong ado dok? Kerjo bahage ugama laa dok. Ore Melayu tak dak dok kata apa-apa, biaso jah.” (Informan 4)

“Bagi kami orang Kelantan tak ada perasaan macam ini. Bagi kami di Kelantan memang, terutamanya tempat saya ini la. Persefahaman antara kaum kami adalah sangat baik” (Informan 5)

Dalam pada itu, informan 6#, 1# dan 9# berpandangan bahawa terdapat segelintir orang Melayu Islam yang mempunyai pandangan negatif serta bersikap tidak adil terhadap Cina Peranakan. Mereka menyatakan bahawa wujud juga perasaan tidak puas hati dengan sikap orang Melayu yang lebih menumpukan kepada orang Melayu sahaja serta rasa tidak selesa dengan segelintir sikap orang Melayu. Informan 3# berpandangan bahawa perasaan tidak selesa tersebut wujud dalam kalangan generasi muda sehingga menyebabkan wujudnya perselisihan faham dalam masyarakat. Kalau sentimen ini wujud dalam generasi muda, ia sejajar dengan perkembangan zaman yang menuntut pembahagian dan keadilan secara sama rata. Ringkasnya, tidak timbul isu yang membangkitkan perasaan tidak puas hati atau tidak selesa dengan orang Melayu. Namun informan # yang menyatakan rasa tidak puas hati kerana terdapat segelintir orang Melayu yang bersikap berat sebelah dan tidak adil sama ada di Kelantan mahupun di Malaysia secara umumnya.

SIKAP ETNOSENTRIK DAN KOMUNAL ORANG CINA

Sebagai kumpulan minoriti yang duduk di kawasan majoriti, adalah perkara biasa sekiranya mereka mempunyai perasaan yang tersendiri terhadap bangsa mereka untuk menjaga kepentingan dan masa depan bangsa sendiri. Justeru, untuk mengawal bangsa mereka dari cair dalam kelompok Melayu, Cina Peranakan mementingkan ikatan kekeluargaan dan mengekalkan kepercayaan asal mereka. Justeru, perkahwinan Cina Peranakan dengan orang asing dianggap boleh mencemarkan bangsa mereka. Kajian mendapati semua informan berpandangan bahawa ikatan kekeluargaan yang ada dalam diri mereka amat penting dan ianya tidak boleh digantikan termasuk dalam urusan penukar agama. Demi menampakkan keteguhan ikatan kekeluargaan tersebut, maka ahli keluarga perlu setia dengan ajaran asal nenek moyang serta agama Buddha. Informan 6#, 7#, 8# dan 12# menjelaskan bahawa mereka sukar untuk menerima orang asing dalam Keluarga mereka. Justeru perkahwinan campur dalam sesebuah keluarga Cina Peranakan tidak digalakkan Dengan ini, sikap komunal orang Cina diterima sebagai satu halangan untuk Cina Peranakan menerima agama Islam.

Dalam satu kajian tentang hubungan komuniti Cina Muslim dengan ahli keluarga mereka yang tidak beragama Islam di Kelantan, Adi Syahid & W.A Amir (2018) mendapati hubungan berada pada tahap akrab sebelum memeluk agama Islam dan berubah kepada sederhana akrab selepas memeluk agama Islam. Kajian mereka mendapati konflik yang berlaku bukan disebabkan tentangan kepada agama tetapi lebih kepada perbezaan amalan dan kepercayaan. Ini juga yang berlaku kepada Cina Peranakan Melaka kerana anak-anak mereka yang memeluk Islam diasimilasikan ke dalam masyarakat Melayu (Suhaila 2011). Beliau menyimpulkan bahawa Cina Peranakan Melaka bukan tidak bersetuju dengan Islam tetapi mereka tidak setuju identiti Cina hilang apabila memeluk Islam. Namun, informan 1#, 3#, 4#, 5# dan 11# terbuka dan sedia menerima perubahan dan orang asing dalam keluarga mereka. Ini didorong oleh sikap Cina Peranakan yang lebih terbuka dan mudah mesra dengan orang Melayu. Alasan ini diterima

kerana perubahan agama biasa menjadi suatu cabaran yang besar dan ia berlaku bukan sekadar pada Cina Peranakan, tetapi juga pada bangsa lain. Walau bagaimanapun, seperti mana bangsa lain sikap yang ditonjolkan oleh orang asing tersebut juga menjadi faktor penerimaan dalam kalangan Cina Peranakan.

PERBEZAAN KEPERCAYAAN

Setiap agama dan kepercayaan mempunyai falsafah dan orientasinya yang berbeza antara satu sama lain. Ia merupakan halangan kepada seseorang untuk menukar agamanya melainkan apabila ia boleh menerima agama baharu dan sedia meninggalkan agama yang sedia ada. Malahan agama juga dianggap sebagai sumber perpecahan dalam kalangan masyarakat. Informan berpandangan tiada sebab untuk menukar agama kerana mereka sudah selesa dengan agama Buddha yang diamalkan sejak turun temurun. Informan 7#, 9#, 11# dan 12# dengan jelas menyatakan bahawa mereka lebih selesa dengan agama Buddha dan merasakan agama ini lebih sesuai buat diri mereka. Informan 3# menyatakan Cina Peranakan beragama Buddha yang ditumpukan kepada Taoisme dan kedua-duanya adalah sesuatu yang penting bagi mereka.

“Haa memang. Jadinyo, hat tu la nak kito oyak gitu. Jadinyo kito ni berugama Buddha tapi. Kami tumpukan kepada taoisme. Betul dak? Buddha tu Buddha, taoisme tu taoisme. Dua tu la hak mustahak.” (Informan 3)

Bertukar agama tidak semudah bertukar baju kerana ia melibatkan pelbagai perubahan kepada saudara baru dari segi emosi, adat, budaya, kekeluargaan, ekonomi, kerjaya, birokrasi, perundungan dan sebagainya yang merangkumi cara berfikir dan kepercayaan termasuklah gaya hidup (Nazneen et al. 2019). Walaupun tidak memeluk Islam, tetapi Informan 5# dan 10# menyatakan itu tidak bermakna mereka membenci Islam, malahan mereka selesa dengan cara hidup orang Melayu biarpun beragama Buddha. Ini menunjukkan bahawa akulterasi telah berlaku dengan baik dalam budaya tetapi belum sampai ke tahap perubahan agama. Menurut informan 1#, memang Cina Peranakan ada yang bertukar agama kepada Islam dan Kristian, tetapi itu dianggap sebagai hak individu. Bagi mereka semua agama mempunyai kelebihan masing-masing dan terpulang kepada individu. Informan 5# berpandangan bahawa pengamalan Cina Peranakan dan orang Melayu lebih kurang sama sahaja dan mengikut kehendak agama masing-masing.

“Ya memang. Kami selesa dengan amalan yang kami amalkan dari agama Buddha. Tapi kami juga selesa dengan amalan-amalan orang-orang Melayu Islam setempat” (Informan 5)

Dengan kata lain, setiap masyarakat mempunyai kepercayaan tersendiri. Informan 2#, 4# dan 12# berpandangan semua anggota masyarakat perlu saling menghormati dan memahami antara satu sama lain supaya tidak wujud salah faham dalam masyarakat. Informan 11# mengakui bahawa perbezaan agama tidak perlu menjadi isu asalkan tiada orang yang mengeruhkan keadaan dengan memberikan label-label yang tidak sepatutnya kerana ia boleh menyebabkan pergaduhan dan mengundang perpecahan dalam masyarakat. Oleh itu, Informan 7# menyatakan pemimpin agama dan politik perlu saling bertolak ansur dan tidak membangkitkan isu perkauman untuk mengelak perselisihan dalam kalangan masyarakat. Ringkasnya, perbezaan kepercayaan dalam agama boleh menjadi penghalang untuk Cina Peranakan memeluk Islam, tetapi interaksi yang begitu lama membolehkan mereka bersifat terbuka untuk menerima perubahan asalkan tidak membawa perpecahan.

JATI DIRI CINA

Jati diri Cina merupakan aspek yang boleh menjadi penghalang kepada orang Cina untuk menukar agama. Menurut Pue (2012), Cina Peranakan akan hilang jati diri apabila bertukar agama dan selama ini pun mereka digelar sebagai Cina kampung atau bukan tulen kerana bercampur budaya dengan orang Melayu. Namun, kajian menemui bahawa faktor jati diri Cina tidak menjadi faktor penghalang kepada Cina Peranakan untuk menerima Islam. Majoriti informan berpandangan bahawa jati diri masyarakat Cina tidak akan hilang kerana masuk Islam. Mereka berpandangan masuk Islam tidak semestinya bermaksud masuk Melayu kerana agama boleh ditukar tetapi bangsa tidak boleh ditukar. Selama ini pun mereka telah mengamalkan budaya dan gaya Melayu cuma yang tidak berubahnya adalah agama. Namun terdapat juga informan yang berpandangan bahawa, Cina Peranakan akan hilang jati diri apabila memeluk agama Islam. Informan 6# dan 11# menyatakan bahawa terdapat sesetengah kes orang Cina yang beranggapan bahawa apabila mereka masuk Islam bermaksud mereka masuk Melayu dan menjadi Melayu. Informan 7# memberikan alasan bahawa persepsi masuk Melayu itu timbul kerana budaya di Malaysia yang sinonim dengan Islam dan Melayu.

“Pasal gini, budaya Malaysia ni ye, masuk Islam ni agak mace tukar totally masuk Melayu. Di anggap masuk Melayu bukan masuk isle, dipanggil masuk Melayu. Budaya Malaysia lah kan, jadi tak dok hubungenyoh, pecah habeh.” (Informan 7)

Majoriti informan berpandangan bahawa hubungan seseorang dengan ahli keluarga tidak semestinya berubah kerana masuk Islam. Informan 2# berpendapat itu merupakan keputusan individu itu sendiri yang menentukan hala tuju hubungan kekeluargaan walaupun berlainan agama. Informan 3#, 4#, 8#, 9#, 10# dan 12# juga menyatakan bahawa kebanyakannya Cina Peranakan yang telah memeluk Islam masih berhubungan dan tidak memutuskan ikatan kekeluargaan dengan ahli keluarga mereka dan tidak timbul isu hilang jati diri Cina. Selain itu, informan 5# menyatakan Cina Peranakan masih menghargai saudara mereka yang telah memeluk agama Islam kerana walaupun berbeza agama, mereka masih merupakan ahli keluarga dan berbangsa Cina. Mereka juga menyatakan bahawa saudara-mara yang masuk Islam bukanlah bermakna mereka menjadi Melayu tetapi hanya agama mereka sahaja ialah Islam.

“Pada pendapat saya la, sebab sedara mara saya ramai juga yang memeluk agama Islam. Tapi hubungan kami tetap baik. Sebab walaupun dia beragama Islam, tapi dia tetap darah daging kami dan juga berbangsa Cina. Dia tidak akan berbangsa Melayu. Cuma beragama Islam.” (Informan 5)

Ada juga pandangan yang mengaitkan halangan dari Cina Peranakan memeluk Islam disebabkan persepsi negatif orang Cina Tulen terhadap mereka. Semua informan menafikan perkara berkenaan kerana perbezaan cara hidup antara kedua-dua kelompok Cina Peranakan dan Cina Tulen. Kalau ia pun berlaku, Informan 2#, 3# dan 11# berpandangan ia mungkin berlaku dalam kalangan generasi muda untuk menjaga persepsi Cina Tulen terhadap mereka. Namun secara umumnya, Informan 8# menegaskan, Cina Peranakan kekal dalam agama Buddha adalah kerana pegangan adat yang kuat dalam diri mereka dan bukannya kerana ingin menjaga pandangan Cina Tulen terhadap mereka. Ringkasnya jati diri Cina tidak menjadi halangan untuk Cina Peranakan memeluk Islam dengan sebab takut dipandang hilang identiti. Bahkan mereka bangga dengan keunikan mereka yang lebih bercampur dengan orang Melayu dalam kehidupan harian berbeza dengan orang Cina Tulen.

DISKRIMINASI EKONOMI

Sistem ekonomi dan perniagaan dalam Islam tertakluk kepada hukum hakam yang disyariatkan oleh Allah. Bagi orang bukan Islam mungkin susah untuk menerima aturan ini tetapi kebanyakan responden tiada masalah dengan sistem ini. Informan 1#, 2#, 3#, 4#, 5#, 8#, 9# dan 10# berpandangan bahawa sistem pengurusan ekonomi dan perniagaan mereka adalah lebih kurang sahaja dengan sistem ekonomi orang Melayu Islam. Mereka juga berpandangan bahawa sistem pengurusan yang ada dalam Islam tidak bersifat menyusahkan. Keuntungan yang diperoleh daripada perniagaan mereka juga adalah bersifat ala kadar sesuai dengan barang dan jenis perniagaan dan bukannya bersifat mengaut untung secara berlebihan. Hasil akulterasi yang kukuh antara Cina Peranakan dengan masyarakat Melayu juga telah memberikan persefahaman buat mereka dari sudut ekonomi dan juga perniagaan. Malahan, mereka menghormati sistem ekonomi Islam yang diamalkan oleh orang Melayu.

“Tak dak. Serupo ja. Maknonya tak dok la dasar kata bare tu boleh nak kito, terlampaui sangat la untung. Makna dari segi perniagaan dan apao-apo pun ke. Maloh ko tane sayur apa jual hasil-hasil ke. Samo ja. Tak dok kata nak ada yuran. Tak dok takdok. Tak ada yuran.” (Informan 4)

“Ah, ya. Kita pun ada cara kita kan. Kalau dia boleh hormat kita pon sama. Mahu hidup damai hidup lama macam ni kan dari dulu sampai sekarang.” (Informan 10)

Namun, informan 6# dan 12# berpandangan bahawa sistem ekonomi Islam tidak sesuai untuk mereka amalkan kerana mempunyai banyak peraturan yang menyusahkan dan tidak dapat menjadikan seseorang itu kaya dan hidup mewah.

“Dio kalau Islam ni meme dio orang semua demo oyak gitu la. Dio payoh. Meme payoh kayo. Dio pasal unde-unde dio banyak. Dio dengan ekonomi kito tak belago eh. Buat gitu-gitu.” (Informan 6)

Bagi isu kempen menyokong barang Muslim pula, informan 3#, 4# dan 7# menyatakan kempen ini tidak memberikan kesan kepada mereka. Bahkan mereka berpendapat bahawa, jika ekonomi Islam mengeluarkan makanan yang halal, maka ianya lagi memberikan faedah buat mereka kerana memperoleh makanan yang bersih dan baik. Walau bagaimanapun

Informan 2# berpandangan bahawa kempen ini sedikit-sebanyak memberikan kesan kepada mereka. Namun itu tidak menjadi masalah kerana mereka sudah berada dalam ekonomi dalam tempoh masa yang lama. Mereka mempunyai pelanggan kekal termasuk orang Melayu yang yakin dengan produk yang mereka keluarkan. Selain itu, mereka juga beranggapan bahawa kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah memainkan peranan penting terhadap nilai-nilai sesuatu produk.

Walau bagaimanapun, beberapa informan yang menyatakan kebimbangan terhadap kempen membeli dan menyokong produk Muslim ini. Informan 1#, 5#, 6# dan 10# menyuarakan kebimbangan itu dan menyatakan kurang selesa dengan kempen itu tetapi ia terpulang kepada hak individu untuk menyukai ataupun sebaliknya. Informan 2# mengaku ada kesan dari kempen berkenaan tetapi tetap optimis dengan perniagaannya yang telah lama dikenali oleh masyarakat. Informan 1# pula menyatakan bahawa jika pembelian dilakukan berdasarkan kaum semata-mata maka ia bersifat perkauman dan tidak adil. Beliau menyatakan bahawa, kebanyakan produk Cina juga dihasilkan oleh orang Melayu kerana kebanyakan pekerja terdiri daripada orang Melayu.

“Kesan tu memang ada. Tapi diorang atas kepercayaan la. Sebab diorang tahu kita dah niaga lama, dia yakin dengan kita. Dia pun tak ikut juga. Kesan memang ada. Sedikit sebanyak memang ada tu.” (Informan 2)

Ringkasnya, sistem ekonomi Islam tidak memberikan bebanan kepada Cina Peranakan disebabkan oleh beberapa faktor seperti, sistem ekonomi Islam sudah lama menjadi budaya, para pelanggan terdiri daripada orang Melayu serta ekonomi Islam melalui produk halal mendatangkan kebaikan buat mereka. Bagi kempen menyokong produk Muslim (BMF) pula kebanyakan informan menyatakan mereka tidak risau dengan hal tersebut kerana mempunyai pelanggan setia dan kualiti produk yang diutamakan. Malahan ada kajian yang mendapati kempen BMF tidak memberikan kesan negatif kepada persepsi non-Muslim (Nadrah & Aminurraasyid, 2020). Namun, kerisauan itu ada kepada beberapa individu mungkin disebabkan oleh lokaliti perniagaan yang berada di kawasan atau di pinggir bandar yang mempunyai banyak persaingan.

PELAKSANAAN POLITIK ISLAM

Polisi dan pelaksanaan dasar politik Islam telah dianggap sebagai menidakkann hak dan menganggu kepentingan orang bukan Islam (Khairul Azhar

2019). Secara tidak langsung ia boleh memberikan kesan kepada orang Cina memeluk Islam di Kelantan. Walau bagaimanapun, Informan 3#, 4#, 7#, 8#, 11# dan 12# berpandangan bahawa kerajaan Kelantan menumpukan kepada kepentingan serta menjaga kebijakan mereka sebagai rakyat di negeri Kelantan bahkan mereka hidup harmoni di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Informan 5# menyatakan bahawa bantuan daripada kerajaan negeri kepada masyarakat Cina Peranakan disampaikan secara terlindung seperti peruntukan pembangunan kuil dan sebagainya. Ini bagi menjaga sensitiviti yang mungkin timbul jika hal ini digembar-gemburkan. Usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri ini bertepatan dengan konsep dakwah *bi al-hal* iaitu berdakwah dengan menonjolkan akhlak yang baik sehingga mampu menarik minat sasaran dakwah untuk menerima usaha dakwah yang dijalankan.

“Jadi kalau nak jawab soale laguni. Jadinya kami tidak menghadapi masalah laguni. Jadinya dalam kampung ni kalau Peranakan Cino bila-bila bantuan yang kito minta dengan wakil-wakil yang orang Islam ka. Bantu tu memang diorang akan bagi. Jadinya masalah tu tidak timbul la. Tidak timbul la.” (Informan 3)

Sebaliknya informan 1# menyatakan bahawa kebijakan mereka tidak terbela di bawah pentadbiran kerajaan negeri Kelantan yang ada sekarang. Bantuan kerajaan negeri lebih tertumpu kepada masyarakat Siam dan bukannya Cina. Informan 9# juga menyatakan bahawa wujud juga kadang-kadang rasa tidak puas hati. Manakala informan 2# pula menyatakan kebijakan Cina Peranakan dalam urusan memperoleh tanah di negeri Kelantan adalah amat susah serta melalui proses yang panjang. Manakala informan 6# dan 10# pula menyatakan bahawa perubahan tentang kebijakan dan kepentingan Cina Peranakan berlaku setelah pertukaran pucuk kepimpinan setelah kematian Menteri Besar lama iaitu Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Mereka menyatakan bahawa pendekatan kerajaan Negeri yang baharu tidak sama serta mereka lebih menyukai pendekatan yang dibawa oleh kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

“Kalau dulu saya rasa tu tak ada tapi sekarang lepas kita punya apa tu Tok Nik Aziz kei meninggal. Tak ada tu mula mula ada rasa sikitlah. Dulu memang tak ada perasaan macam tu tapi sekarang berubah.” (Informan 10)

Selain itu, informan 5#, berpandangan bahawa Cina Peranakan tidak terkesan dengan dasar politik Islam di Kelantan kerana merasakan keperluannya sudah mencukupi. Malahan, menurut beliau,

pernyataan bahawa Kelantan sebagai sebuah negeri yang mundur kerana hanya mementingkan pembangunan agama adalah salah dan itu tuduhan yang tidak berasas. Informan 7# menyatakan, perkara tersebut berlaku kerana kekurangan dana daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri dan tidak ada kaitan dengan agama dan dipersetujui oleh informan 11# dan 12#. Namun bagi informan 1# dan 2# berpandangan bahawa ketegasan kerajaan negeri dalam membuat dasar seperti "Membangun Bersama Islam" telah menolak minat pelabur-pelabur untuk melabur seterusnya memajukan negeri Kelantan. Informan 10# pula menyatakan bahawa pembangunan infrastruktur dan agama perlu seimbang antara satu sama lain.

"Sebab kerajaean kan, dia asyik ambil isu hok Islamik mai oyak la. Lepastu, pembangunan pun tak dok. Ekonomi pun tak dok. Gitu je la." (Informan 1).

Justeru dapat disimpulkan bahawa majoriti Cina Peranakan mempunyai pandangan yang baik dan positif terhadap kerajaan negeri Kelantan dari aspek kepentingan mereka serta pembangunan negeri. Mereka memahami kekangan dan juga nilai yang cuba diketengahkan oleh kerajaan negeri. Namun, kekurangan yang dirasakan oleh beberapa informan mestilah diberikan perhatian dan ditangani sebaik mungkin agar pandangan negatif terhadap kerajaan Negeri yang dilihat Islamik tidak berterusan dan bertambah parah. Pandangan mereka terhadap kerajaan negeri mencerminkan pandangan mereka terhadap Islam kerana umum mengetahui bahawa kerajaan negeri Kelantan di bawah pentadbiran PAS selama ini adalah sebuah kerajaan yang menegakkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan pembangunan negeri.

KESIMPULAN

Kedatangan Cina sejak tiga abad yang lalu telah menambah lagi suatu komuniti di Negeri Kelantan. Mereka boleh hidup bersama dengan orang Melayu dengan baik sehingga dapat mengadaptasikan gaya hidup yang hampir serupa dengan orang Melayu malahan telah bertutur dalam bahasa Melayu Kelantan dengan fasih. Namun, akulterasi ini tidak menyebabkan mereka memeluk Islam atas faktor sikap komunal orang Cina, ketidakserasan agama, dan ketidak sediaan mereka untuk menganut agama baru. Manakala faktor-faktor lain seperti sikap komunal orang Melayu, sikap etnosentrik Melayu,

pelaksanaan ekonomi Islam, dasar politik Islam, konotasi Cina Kampung dan Cina Bandar dan jati diri Cina telah diberikan respons positif oleh majoriti informan. Secara tidak langsung ini menunjukkan sikap mereka yang positif terhadap Orang Melayu termasuklah terhadap agama Islam itu sendiri. Jika ditimbangkan antara faktor menghalang dengan sikap mereka yang positif terhadap baki faktor itu, sikap positif itu lebih banyak. Sekiranya faktor halangan itu dapat diatasi, mungkin lebih ramai mereka memeluk Islam apatah lagi sekiranya hubungan yang baik ini diteruskan.

Semua pandangan positif ini perlu dikekalkan supaya keharmonian antara komuniti dapat terus diwujudkan. Pihak kerajaan Negeri Kelantan, agensi yang berkaitan dan organisasi bukan kerajaan termasuklah individu perlu saling memberikan sokongan untuk memperkasakan sikap yang positif ini dan mereka perlu bekerjasama dalam hal ini. Suatu dasar kerajaan Negeri Kelantan yang jelas terhadap kebijakan terhadap golongan ini perlu difikirkan untuk memastikan hubungan yang baik antara kaum ini terus kekal dan membawa kesan yang lebih positif lagi. Dalam masa yang sama, mungkin ada sesuatu sikap dan pendekatan yang perlu diperbaiki oleh orang Melayu Kelantan dalam hal ini untuk membolehkan akulterasi ini akan lebih baik dan harmonis. Walau bagaimanapun, ini adalah dapatan kajian awal yang memerlukan kepada kajian yang mendalam secara kuantitatif melibatkan jumlah responden yang lebih ramai dari pelbagai latar belakang. Mungkin dapat itu boleh berbeza khususnya melibatkan generasi muda yang mempunyai sudut pandang yang tersendiri kerana mereka lebih terkedepan dan banyak bergaul dengan masyarakat luar khususnya Cina Tulen.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zain. 1998. Kajian Tentang Non-Muslim Keturunan Siam di Kelantan. *Jurnal Usuluddin* 8: 41-5.
- Adi Syahid Mohd Ali & Wan Ahmad Amir Zal. 2018. Pemilikan modal sosial ikatan dalam kalangan Cina Muslim Kelantan. *Journal of Nusantara Studies* 3(1): 19-29.
- Ahmad Zaid. 2006. Cabaran Hubungan etnik di Malaysia dan global. Dlm. *Hubungan Etnik di Malaysia*, disunting oleh Zaid Ahmad, Ruslan Zainuddin, Sarjit Singh Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Ho Hui Ling, Lee Yok Fee, Najeemah Mohd Yusof and Nazri Muslim, 15-29. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Azmi bin Wahab, Diana binti Abdul Wahab, Mohammad Tawfik bin Yaakub. 2019. Cabaran-cabaran perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia Pasca Merdeka. *Sains Insani* 4(2): 65-75.
- Beng, T. S. 2009. Peranakan street culture in Penang: Towards revitalization. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 2: 157-166.
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3: 77-101.
- Bunnell, T. 2002. Kampung rules: Landscape and the contested government of urban(e) Malayness. *Urban Studies* 39 (9): 1685-1701.
- Chin, Yee Wah. 2003. *Budaya keusahawanan Cina di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Chuang, Loo Hong, Pue Giok Hun, and Ong Puay Liu. 2021. Awang": Making chinatown and heritagising The Peranakan identities in Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia* 39(2): 1-23.
- Eyo Leng Yan, Rosdeen Suboh, Pue Giok Hun. 2021. Warisan budaya tidak ketara Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Kajian kes upacara Koi Hoi di Kampung Pasir Parit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(8): 28-44.
- Faridah binti Ali. 2003. Pandangan non-muslim di bandar Teluk Intan terhadap Islam. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Fatimah Sham bt. Arifin. 2000. Pandangan pelajar non muslim terhadap Islam: Kajian Khusus di Fakulti Perubatan UM. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Francis, Loh Kok Wah. 1988. Chinese New Villagers and Political Identity. Dlm. *Changing Identities of the Southeast Asian Chinese since World War II*, disunting oleh Cushman, Jennifer W. & Wang, Gungwu. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Francis, Loh Kok Wah. 2000. Chinese new villages: Ethnic identity and politics. Dlm. *The Chinese in Malaysia*, disunting oleh Lee, Kam Hing & Tan, Chee-Beng. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hanisa Hassan, Nasirin Abdillah, Mohd Zaimuddin Mohd Zain, Siti Nur Anis Apandi and Nik Maheran Nik Muhammad. 2021. The identity of Kelantan Peranakan Chinese through clothing: an aesthetic morphology approach. AIP Conference Proceedings 2347(1): 020107.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi & Rushdi Bin Ramli. 2013. Dakwah terhadap bukan Muslim di Malaysia: Realiti dan cabaran. E-Pro siding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan, 13 November.
- Khoo Kay Kim. 2010. The Penang Baba/ Peranakan Chinese Community. Dlm. *Penang Peranakan Chinese and Chinese Muslim: An Historical and Cultural Journey*, disunting oleh Sohaimi Abdul Aziz, 1-17. Pulau Pinang: Persatuan Karyawan Pulau Pinang.
- Lee Yok Fee. 2004. Kedinamikan kecinaan dan identiti Orang Cina di Malaysia. *SARI* (22): 167-181.
- Lee, Kam Hing & Heng, Pek Koon. 2000. The Chinese in the Malaysia political system. Dlm. *The Chinese in Malaysia*, disunting oleh Lee Kam Hing & Tan Chee Beng. New York: Oxford University Press.
- MAIK. 2010-2018. Laporan Pengislaman Saudara Baharu MAIK, 2010-2018.
- Mohamad Nazri Ahmad, Hanapi Dollah, Teo Kok Seong. 2011. Penghayatan tradisi lisan Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Kelantan. *Jurnal Melayu* (8): 111-132.
- Mohamed Mihlar Abdul Muthaliff, Mohd Rosmizi Abd Rahman, Muhammad Khairi Bin Mahyuddin, Ahmad Najaa' Bin Mokhtar, Yuseri Bin Ahmad. 2017. Non-Muslims' perception of Islam and Muslims in Seremban, Negeri Sembilan Malaysia: An empirical study. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 3(5): 134-151.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2010. Buddhism in a Muslim State: Theravada practices and religious life in Kelantan. *The Muslim World* 100: 321-336.
- Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin, Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi. 2020. Konsumerisme dan kelas sosial dalam majlis perkahwinan masyarakat melayu. *Akademika* 90(1): 35-49.
- Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. 2013. Pengekalan dan perubahan identiti Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Satu kajian kes di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan. Tesis Sarjana. Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CENPRIS). Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. 2014. Jatidiri kaum dan perpaduan negara: kajian kes Cina Peranakan Kelantan di Malaysia. *Kajian Malaysia* 32(1): 119-148.
- Nik Zawawi Salleh. 2016. Kajian pendekatan dakwah kepada masyarakat Buddha di Negeri Kelantan. Tesis Dr. Fal. Selangor: Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nadrah Husnina Hassim & Aminurraasyid Yatiban. 2020. "Buy Muslim First Campaign": A Study of Non-Muslim Students' Perception towards the Campaign. Proceedings of the 8th International Conference on International Studies (ICIS) 2020, 5-6 December, Sintok, Malaysia
- Noraini M. Noor. 2009. The future of Malay-Chinese relations in Malaysia. Dlm. *Peace Psychology in Asia*, disunting oleh C.J. Montiel, N.M. Noor, 161-172. New York: Springer.
- Nur Azuki Yusuff & Khuzaiton Zakaria. 2018. Loghat Kelantan pemangkin jati diri rakyat Kelantan: kelestarian dan pemerkasaannya. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 1(2): 25-39.

- Osman Abdullah@Chuah Heck Long. 2009. *Da'wah to Non-Muslim Chinese in Malaysia: Some Preliminary Thoughts in Readings in Islamic Da'wah*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Phang, Hooi Eng. 2000. The economic role of the Chinese in Malaysia. Dlm. *The Chinese in Malaysia*, disunting oleh Lee Kam Hing & Tan Chee Beng. New York: Oxford University Press.
- Pue Giok Hun. 2012. Peranakan sebagai fenomena sosial dengan tumpuan kepada Komuniti Cina Peranakan di Kelantan. Tesis Dr. Fal. Selangor: Institut Kajian Etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pue Giok Hun. 2017. 'Our Chinese': The mixedness of Peranakan Chinese identities in Kelantan, Malaysia. In *Mixed Race in Asia*, 147-161. New York: Routledge.
- Pue Giok Hun. 2018. *Cina Peranakan Kelantan Menerusi Lensa Sosiologi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Pue Giok Hun, Ong Puay Liu & Loo Hong Chuang. 2019. Kelantan Peranakan Chinese language and marker of group identity. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 19(2): 33-51.
- Razaleigh Muhamat. 2009. Ethnic relationship of Chinese Muslim converts and their Malays counterpart in peninsular Malaysia: A historical background. *Journal of Human Sciences* 41(1): 1-39.
- Sa'adiah Ma'alip & Rahilah Omar. 2018. Penguasaan bahasa Baba-Nyonya dalam kalangan masyarakat Baba-Nyonya di Melaka. *Jurnal Melayu* 17(2): 312-327.
- Suhaila Abdullah. 2011. Masyarakat Peranakan Cina Muslim Di Melaka. Dlm. *Muslim Minority*, disunting oleh Roslan Mohd Nor, Abdul Qayyum M. Suhaimi Noor Syahidah Mohd Akhir, 23-36. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syarul Azman Shaharuddin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Sahlawati Abu Bakar & Siti Khaulah Mohd Hamzah. 2018. Persepsi masyarakat non-muslim terhadap dakwah Islam di Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di *4th International Conference on Islamiyyat Studies* 2018, 18-19 September 2018. Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi. Selangor.
- Tan Chee Beng. 1982. Peranakan Chinese in Northeast Kelantan with special reference to Chinese Religion. *JMBRAS* 55: 26-52.
- Teo Kok Seong. 2003. *The Peranakan Chinese of Kelantan: A Study of the Culture, Language and Communication of An Assimilated Group in Malaysia*. London: Asean Academic Press.
- Teo Kok Seong. 2008. Chinese-Malay-Thai interactions and the making of Kelantan Peranakan Chinese Ethnicity. Dlm. *Thai South and Malay North Ethnic Interactions on A Plural Peninsula*, disunting oleh Michael J. Montesano and Patrick Jory. Singapore: NUS.
- Tu Wei-Ming. 1994. *The Livingtre: The Changing Meaning of Being Chinese Today*. Stanford: Standford University Press.
- Wang Gung Wu. 1991. *China and the Chinese overseas*. Singapore: Times Academic Press.
- Winzeler, Robert L. 1990. *Ethnic Relation in Kelantan*. London: Routledge.
- Yao Sua Tan, Kamarudin Ngah, Sezali Md Darit. 2018. Formation and negotiation of identity: the case of the Kelantan Kampung Pasir Parit Peranakan Chinese. *Asian Ethnicity* 19(1): 16-35.
- Zaireeni Azmi. 2020. PAS: Permuafakatan Politik Sebagai Tapak Integrasi Dan Peranan Wanita. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47 (3): 428-462
- Zuriati Mohd Rashid & Wan Mohd Azam Mohd Amin. 2020. Religious interaction of Muslims and Buddhists in Pasir Mas, Kelantan. *AL-ITQĀN*, Special Issue 2: 123–140.
- Dr. Muhamad Faisal Ashaari (Penulis koresponden)
Pensyarah Kanan dan Pengurus
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam,
UKM.
- En. Anuar Puteh
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam,
UKM.
- En. Muhammad Faris Bin Abdul Fatah
Penolong Pegawai Tadbir,
Sekretariat Pengajian Prasiswazah,
Fakulti Perubatan
UKM.